

Darah tiruan: Kementerian bergerak positif

Oleh YULPISMAN ASLI

UM - 14/5/2007.

Kita akan bertindak secara positif dan melihat bagaimana kita boleh membantu orang ramai mendapatkan darah melalui cara yang lebih inovatif

**DR. ISMAIL
MERICAN**
Ketua Pengarah
Kesihatan

KUALA LUMPUR 13 Mei - Kementerian Kesihatan akan bergerak secara positif ke arah menjayakan hasrat Malaysia menjadi pengeluar darah tiruan yang pertama di dunia untuk manusia.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Ismail Merican berkata, beliau mengalu-alukan kenyataan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak pada Persidangan Antarabangsa Pertubuhan Industri Bioteknologi 2007 di Boston, Amerika Syarikat baru-baru ini berhubung perkara itu.

Sambil mengalu-alukan usaha itu, katanya, pihak Kementerian Kesihatan memerlukan lebih banyak maklumat mengenai cadangan tersebut.

"Kementerian Kesihatan akan melihat bagaimana kita boleh memberi respons kepada idea itu. Kita akan bertindak secara positif dan melihat bagaimana kita boleh membantu orang ramai mendapatkan darah melalui cara yang lebih inovatif," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas melancarkan dan menyampaikan hadiah kepada pemenang Jogaton Hari Asma Sedu-

nia 2007 di Taman Tasik Perdana di sini hari ini.

Turut hadir ialah Pengerusi Majlis Asma Malaysia, Dr. Norzila Mohamed Zainudin dan Pengarah Urusan GlaxoSmithKline Pharmaceutical Malaysia, Jorge Bartolome.

Ismail diminta mengulas kenyataan Najib baru-baru ini mengenai kemungkinan Malaysia menjadi pengeluar darah tiruan pertama di dunia untuk manusia jika rundingan kerajaan dengan sebuah syarikat yang masih dirahsiakan namanya menjadi kenyataan.

Timbalan Perdana Menteri berkata, jika darah tiruan itu terbukti dari segi klinikal, ia dijangka menjadi satu bahan yang amat besar kesannya kepada manusia dan dunia.

Kalangan ilmuwan agama di Malaysia menyambut baik cadangan Najib itu. Menurut mereka, penggunaan darah tiruan tidak

bercanggah dengan ajaran Islam jika ia membawa kepada kebaikan dan bahan-bahan yang digunakan dipastikan kesuciannya.

Mengulas lanjut, Ismail menjelaskan, beliau turut berada di Boston ketika Timbalan Perdana Menteri membangkitkan perkara tersebut.

Ditanya mengenai penerimaan orang ramai terhadap cadangan itu, beliau berkata, ia masih terlalu awal untuk dibincangkan.

Sementara itu, dalam ucapannya pada majlis di Taman Tasik Perdana, Ismail menjelaskan, pesakit asma tidak seharusnya menjadikan masalah kesihatan sebagai batu penghalang untuk mereka aktif dalam pelbagai kegiatan.

"Penyakit asma boleh dikawal dan ia tidak sepatutnya membanatutkan atau menghalang sesiapa daripada melakukan aktiviti seharian," katanya.